

IQRA'



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak

اقل

BULETIN PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK



uitmlibrary



libraryuitm



libraryuitm



library.uitm.edu.my



Bengkel Kepentingan Integriti & Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam

PTAR Cawangan Shah Alam - muka 8



Live@PTDI: The Psychology & Law of Cyberbullying

PTAR Cawangan Johor - muka 15



Program PTDI bersama Pelukis: Art As Therapy

PTAR Cawangan Johor - muka 16



Bengkel Systematic Literature Review: Komunikasi Dalam Matematik

PTAR Cawangan Kelantan - muka 22



100 Days of Reading Challenges Sempena Program UiTM Penang Baca

PTAR Cawangan Pulau Pinang - muka 29



Promosi@PTAR



Perpustakaan Tun Abdul Razak, UiTM Shah Alam telah menganjurkan Taklimat Kepentingan Integriti Dan Jenayah Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam anjuran Unit Latihan, Jabatan Pentadbiran Organisasi, Perpustakaan Tun Abdul Razak secara atas talian (Webex Meeting) Taklimat ini diadakan pada 6 Julai 2021 yang telah dihadiri oleh kakitangan Pengurusan Profesional dan Pelaksana UiTM Shah Alam. PTAR telah menjemput PPs Ahmad Nuri bin Muda selaku Penolong Pegawai siasatan di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor sebagai penceramah bagi taklimat ini.

Taklimat dimulakan dengan perkongsian sedikit tentang latar belakang dan tugas penceramah selaku Penolong Pegawai Siasatan di SPRM. Seterusnya, penceramah juga berkongsi tentang maksud dan konsep asas integriti yang boleh didefinisikan nilai-nilai yang penting dan berperanan besar dalam membina tingkah laku manusia menjadi sempurna dalam melaksanakan kerja. Nilai yang baik menampilkan norma dan piawai tingkah laku yang terbaik bukan sahaja di kalangan anggota masyarakat bahkan akan membantu organisasi mencapai matlamat dan objektif yang dirangka. Konsep integriti diperjelaskan mengenai jenis-jenis nilai yang membantu dalam membentuk keperibadian yang berintegriti. Salah satu nilai yang menjadi teras kepada integriti ialah nilai amanah dan diikuti dengan jujur, benar, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana.

Taklimat ini juga menekankan tentang jenayah rasuah dalam kalangan penjawat awam yang kerap kali berlaku di negara ini. Rasuah merupakan satu perbuatan menerima atau memberi suapan sebagai upah mahupun dorongan untuk seseorang kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah atau diskaun.

Akhir kata, sebagai penjawat awam hendaklah memiliki sikap integriti yang kukuh dalam diri supaya dapat mengelakkan diri daripada terjerumus dalam jenayah rasuah dalam kehidupan seharian. Semoga dengan taklimat ini dapat memberi kebaikan kepada semua terutamanya kepada kakitangan UiTM yang menghadiri taklimat ini.

